

AMP terapkan semangat ComFor dalam format baru

Oleh

ROSEBI MOHD SAH

rosebi@sph.com.sg

WALAUPUN matlamat Forum Masyarakat (ComFor) yang disarankan AMP sebelum ini dibatalkan, semangat ComFor masih diteruskan AMP menerusi format baru badan bantu diri itu yang dinamakan 'Forum Masyarakat Dalam Semakan' atau *Community In Review* (CIR).

Menjelaskan demikian kepada *Berita Minggu* semalam, Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata selepas mengadakan perbincangan dengan para pemimpin politik, terdapat kebimbangan bahawa ComFor boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat kerana konsepnya seperti Forum Pemimpin Masyarakat (CLF).

Namun, menurut beliau, selepas banyak perbincangan, AMP bersetuju bahawa semangat ComFor akan diteruskan dan digunakan dalam CIR yang dipertingkat.

"Sama seperti semangat ComFor, kami akan mengadakan perbincangan terbuka mengenai isu-isu yang menjejaskan masyarakat Melayu-Islam.

"Kami juga akan peringkat perbincangannya ke tahap nasional, seperti dalam perbincangan hari ini (semalam) dengan Menteri K. Shanmugam yang membincangkan tajuk mengenai kebaikan dan kelemahan pendekatan dasar bagi isu mobiliti sosial.

"Kami ingin membincangkan isu-isu dengan penuh objektif dan mengahala ke masa depan.

"Para penceramah bukan Melayu-Islam juga akan diundang dalam per-



ENCIK AZMOON:

Bentangkan strategi pendekatan AMP yang akan segera dilaksanakan.

— Foto fail

bincangan-perbincangan CIR seperti yang kami lakukan hari ini," jelasnya.

ComFor disarankan panel kepimpinan, masyarakat sivil dan karyawan muda dalam konsvensyen AMP Jun lalu sebagai wadah bebas membincangkan isu penting yang menjejaskan masyarakat Melayu-Islam.

Menyusuli pelbagai reaksi dan maklum balas, AMP membatalkan idea itu Ogos lalu dan menerapkan objektif ComFor dalam format baru itu.

Semalam, Encik Azmoon membentangkan strategi pendekatan AMP yang akan dilaksanakan segera. Ini termasuk:

- ▶ Penubuhan pusat penasihat hutang.

- ▶ Menumpukan perbincangan berterasaskan agenda nasional, antara kaum dan berorientasikan isuisu semasa.

- ▶ Mengajukan Forum Profesional Muda dan Muslim Baru (YEMP).

- ▶ Menubuhkan Rangkaian Ekspatriat Muslim bagi memudahkan mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat Melayu-Islam dan masyarakat Singapura.